

11 SEP 1999

Apec-Abdullah

ABDULLAH TIBA DI AUCKLAND UNTUK SIDANG KEMUNCAK APEC

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

AUCKLAND, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) ketujuh.

Buat julung kalinya beliau menghadiri sidang kemuncak Apec dalam kapasitinya sebagai Timbalan Perdana Menteri berikutan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak dapat hadir kerana jadual yang sibuk di tanah air.

Selain Dr Mahathir, Presiden B.J. Habibie juga tidak dapat datang ke Auckland kerana masalah di Timor Timur.

Abdullah, yang diiringi Datin Seri Endon Mahmood, diberi sambutan meriah tradisional Maori beserta "pahlawan" dan pukulan gendang tradisional masyarakat itu.

Yang turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Auckland untuk menyambut ketibaan beliau ialah Peguam Negara dan Menteri bagi Rundingan Perjanjian New Zealand Sir Douglas Graham dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand Datuk Daniel Tajem.

Beliau kemudian dibawa ke Hotel Carlton di pusat bandar Auckland yang terletak kira-kira 25 kilometer dari lapangan terbang itu dan disambut oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Antara pemimpin yang tinggal di Carlton termasuk tuan rumah sidang kemuncak Apec tahun ini, Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley, yang telah menggunakan hotel itu sejak beliau ditugaskan di ibu negara Wellington, dan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dari Brunei.

Jadual Abdullah di sini bermula dengan perbincangan dua hala dengan Menteri Perdagangan, Kewangan dan Industri Indonesia Ginandjar Kartasasmita hari ini dan esok dengan Dr Chiang Pin-Kung, wakil Presiden Lee Teng Hui dari China Taipei.

Sebelum mesyuarat pemimpin-pemimpin Apec, beliau akan menghadiri jamuan tengah hari bagi pemimpin-pemimpin Asean dan pada jamuan itu mereka dijangka akan membincangkan pelbagai isu penting dan isu-isu lain yang mungkin boleh dikemukakan pada sidang kemuncak tidak formal Asean pada November di Manila.

Mesyuarat atau perhentian pemimpin-pemimpin akan diadakan pada 13 Sept di Muzium Auckland.

-- BERNAMA

MR RHM